

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN BERANGKAT KE PRIVATE VIEWING OF THE LATEST CREATIONS TENUN PAHANG DIRAJA, RASB

Kuala Lumpur, 17 Disember - KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan mencemar duli berangkat ke "Private Viewing of The Latest Creations Tenun Pahang Diraja by RASB" Sungai Soi, Kuantan di Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur.

Seri Paduka Baginda diiringi paduka-paduka anakanda turut berkenan melihat koleksi-koleksi terkini dan eksklusif dari Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB). Realistic Attraction Sdn Bhd merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

'Private Viewing' ini juga diadakan khas bagi memperkenalkan dan mempromosikan lebih 160 helai fabrik Tenun Pahang Diraja yang merupakan koleksi-koleksi eksklusif yang menekankan kepada penggunaan teknik dan penampilan rekacorak menarik dan estetik mengikut trend fesyen terkini.

Tema yang diketengahkan kali ini adalah rekaan yang berkonsepkan batu permata. Malah, pelbagai teknik tenunan digunakan seperti teknik ikat pakan, teknik sapuan benang loseng, teknik jalin, teknik



KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan meneliti koleksi tenun terkini

colek, teknik gigi belalang, penggunaan benang ikat dan benang fancy.

Program ini turut dihadiri oleh Y.A.M Tengku Puteri Seri Kemala Tengku Hajah Dato' Aishah binti Almarhum Sultan Ahmad Shah Al - Musta'in Billah, isteri kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Datin Seri Dato' Hajah Burhah binti Mohammed, Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob dan isteri, YB. Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar dan isteri serta tetamu - tetamu kehormat yang lain

## PKNP RAIH PLATINUM ANUGERAH PENTADBIRAN CEMERLANG (APEC)



PKNP menerima sijil, trofi dan wang tunai bagi Anugerah Platinum Anugerah Pentadbiran Cemerlang (APEC)

Kuantan, 14 Disember - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) berjaya membawa pulang Anugerah Platinum bagi Anugerah Pentadbiran Cemerlang (APEC) pada Majlis Penyampaian Anugerah Pahang 1st (APF) tahun 2023 yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Anugerah Platinum ini merupakan satu penghargaan yang istimewa dan telah

menyuntik semangat yang positif kepada seluruh warga kerja PKNP untuk terus memberikan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas.

Malah, kejayaan memperoleh Anugerah Platinum pada tahun ini juga disifatkan sebagai peningkatan yang sangat bermakna kerana pada tahun 2022, PKNP telah berjaya membawa pulang Emas bagi Anugerah Pentadbiran Cemerlang Sektor Awam.

Anugerah Pahang 1st 2023 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan insentif kepada Jabatan Negeri, Agensi dan Badan Berkanun di Negeri Pahang bagi prestasi tadbir urus yang cemerlang serta secara tidak langsung sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Kira-kira 55 jabatan telah menyertai pencalonan bagi pelbagai kategori anugerah yang dinilai daripada pelbagai aspek antaranya pelaksanaan strategi, maklumat, pelanggan, tenaga kerja dan proses yang efektif.



## SESI LAWATAN PENILAIAN AKHIR ANUGERAH PAHANG 1ST EDISI KE 2 TAHUN 2023



Pengurusan PKNP bersama barisan Panel Penilai Anugerah Pahang 1st

Kuantan, 1 Disember - Sesi Lawatan Penilaian Akhir Anugerah Pahang 1st Edisi ke-2 tahun 2023 telah berlangsung bermula pada jam 9.30 pagi di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Tujuan sesi penilaian akhir ini diadakan adalah kerana Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah terpilih ke peringkat akhir penilaian Anugerah Pentadbiran Cemerlang (APEC).

Bagi tujuan ini, PKNP telah menerima kunjungan enam orang barisan panel penilai yang diketuai oleh Puan Wan Azlida binti Wan Muda, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, Puan Noor Aini binti Ismail, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia PSUK Pahang, Puan Hafirah binti Jamaluddin, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Teknologi Maklumat PSUK Pahang, Cik Nadia binti Zam Zam, Pengarah MIDA Pahang, Puan Najmah binti

Ismail, Akauntan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Encik Mohd Azhar bin Zainuddin, Penolong Pengurus, Malaysia Productivity Corporation Wilayah Timur (MPC) serta Encik Muhammad Amiruddin bin Ani, wakil sekretariat Anugerah Pahang First.

YH. Dato' berkata PKNP melihat Anugerah Pahang 1st ini sebagai salah satu platform terbaik dalam meningkatkan perkhidmatan organisasi ke tahap yang lebih cemerlang. Malah, PKNP sentiasa menitikberatkan usaha dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat Negeri Pahang.

Anugerah Pahang 1st 2023 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan insentif kepada Jabatan Negeri, Agensi dan Badan Berkanun di Negeri Pahang bagi prestasi tadbir urus yang cemerlang serta secara tidak langsung sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.



Sesi Penutup Penilaian Akhir Anugerah Pahang 1st Edisi ke-2 tahun 2023

## AUDIT PEMANTAUAN 1 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) DAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS) BERJAYA DIKEKALKAN

Kuantan, 7 Disember - Tahniah kepada PKNP kerana telah berjaya mengekalkan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 tanpa syarat.

Siri pengauditan tersebut telah dilaksanakan selama dua hari dan diketuai oleh Encik Khalid bin Saleman serta diiringi oleh juruaudit bertugas, Encik Azran bin Mohammad Ridzuan, Encik Sethuraman Ramasamy dan Puan Nurshierie Sheirina binti Mohammad Za'im.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah mempengerusikan Mesyuarat Penutup



Barisan juruaudit bertugas bersama wakil Pengurusan PKNP



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP mempengerusikan Mesyuarat Penutup

yang membentangkan hasil pengauditan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, serta semua pengurusan PKNP.

YH. Dato' juga mengucapkan syabas dan terima kasih kepada seluruh warga kerja PKNP yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan prestasi kerja cemerlang dengan penambahbaikan yang berterusan.



## LAWATAN PENANDA ARAS BERKAITAN PEMBENTUKAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KE YAYASAN PAHANG

Kuantan, 19 Disember - Delegasi PKNP telah mengadakan lawatan ke Yayasan Pahang bagi menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman baharu berkaitan cadangan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di PKNP.

Lawatan penanda aras ini melibatkan seramai 15 orang anggota pekerja yang dari bahagian/ unit yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan/ Profesional serta Kumpulan Sokongan di PKNP.

Anggota delegasi dari PKNP yang diketuai oleh Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim telah disambut baik oleh Pegawai Integriti & Risiko merangkap Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) Yayasan Pahang, Pn Razimah binti Abdullah Hashim.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Pengurus Unit Pengurusan Kualiti, Risiko & Integriti merangkap Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO), Puan Marlia binti Osman.



Seramai 15 anggota delegasi dari PKNP hadir bagi menimba ilmu mengenai KIK

## LAWATAN BERINFORMASI PMINT KE PKNP



Seramai 7 orang anggota delegasi dari PMINT hadir bagi mendapatkan input dan perkongsian mengenai Perindustrian dan Perlombongan di PKNP

Kuantan, 28 Disember - PKNP telah menerima kunjungan daripada Jabatan Pembangunan Perindustrian Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dengan jumlah delegasi seramai tujuh (7) orang.

Lawatan berinformasi yang diketuai oleh Pengurus Besar Pembangunan Perindustrian, Encik Fazrul Isham bin Mohd telah disambut baik oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin serta pengurus dan pegawai - pegawai kanan daripada PKNP.

Objektif utama lawatan adalah untuk mendapatkan input dan perkongsian mengenai dasar dan kaedah pengurusan projek - projek Perindustrian dan Perlombongan di PKNP.

Pihak PMINT juga telah membuat pembentangan mengenai projek perindustrian dan perlombongan di Negeri Terengganu yang dipertanggungjawabkan di bawah organisasi mereka.

Diharapkan agar lawatan berinformasi ini dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak ke arah memajukan organisasi masing-masing. In Shaa Allah.

## PEMANTAPAN DIGITALISASI USAHAWANITA DALAM PERNIAGAAN



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP bersama barisan peserta Program Pemantapan Digitalisasi Usahawanita dalam Pemiagaan

Bera, 26 Disember - PKNP menerusi Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan dengan kerjasama Kluster Pekerjaan, Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menganjurkan Program Pemantapan Digitalisasi Usahawanita Dalam Pemiagaan bertempat di Pahang Rest House Bera.

Program yang dihadiri seramai 48 orang peserta dalam kalangan usahawanita ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sabariah binti Saidan, Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Pahang.

Turut hadir dalam majlis ini adalah YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaluddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan PKNP serta pegawai - pegawai.

Program yang bermula pada 9.00 pagi ini diterajui oleh Encik Muhammad Rafiq bin Ibrahim, Penolong Pengarah FAMA dari ibu pejabat dan Encik Khairil bin Amal, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi yang memberi pendedahan mengenai Trend Digital Dalam Pertanian khususnya potensi perniagaan di dalam platform Agrobazaar Online.

Para peserta diajar untuk membangunkan akaun mereka sendiri bagi membina kerjaya digital mereka. Akhir sekali, para peserta diajarkan Strategi Pemasaran Efektif Era Digital dengan memanfaatkan media sosial serta penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dalam membantu meningkatkan perniagaan mereka.

Semoga para peserta mendapat banyak manfaat menerusi program yang dianjurkan ini. Latihan dan bimbingan secara berterusan melalui atas talian akan dibuat agar pembelajaran ini tidak terhenti setakat ini sahaja.



**lensaPKNP**  
PHOTOGRAPHY

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PAHANG 1ST**



**PRIVATE VIEWING OF THE LATEST CREATIONS TENUN PAHANG DIRAJA**



**PROGRAM PEMANTAPAN DIGITALISASI USAHAWANITA**



*Badang Redaksi*

**PENAUANG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar